

# Henti hina Islam elak ketegangan antara agama

[FOTO SAIFULLIZAN TAMADI/BH]

**Bangi:** Tindakan menghina Islam kerana kononnya agama ini berkembang dan disebarkan dengan menggunakan kekerasan serta paksaan, tidak lebih daripada tohmahan.

Pendakwah dan pensyarah Institut Penyelidikan Produk dan Kematadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA), Prof Dr Mohd Ridhuan Tee Abdullah, ada penganut agama lain menghina Islam kononnya berkembang menerusi kekerasan dan memaksa penganut agama lain memeluk Islam, sedangkan tohmahan mereka tidak benar sama sekali.

"Islam bermula di Makkah yang ketika itu penduduknya, termasuk orang Yahudi dan Nasrani.

"Mustahil Islam berkembang jika Rasulullah dan sahabatnya menggunakan kekerasan untuk berdakwah," katanya pada Siri Wacana Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) bertajuk 'Fenomena Hina Agama Tanggungjawab Sivil dan Hak Tanggungjawab Bersuara' di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini.

Yang turut hadir sebagai ahli panel, Penasihat Kuil Sri Singhra Vaidivel, Jerantut, N Balasundram; bekas Ahli Majlis Perbandaran Sepang, Kong Tuck Wah dan Prof Adjung ATMA, Datuk Yazid Othman yang juga wartawan veteran, manakala moderator, Pengarah ATMA, Prof Dr Supyan Hussin.



**Dari kiri, Tuck Wah, Balasundram, Yazid, Supyan dan Mohd Ridhuan Tee** pada Siri Wacana Institut Alam dan Tamadun Melayu di UKM, Bangi, baru-baru ini.

Justeru, Mohd Ridhuan berkata, penghinaan terhadap Islam di negara ini perlu dihentikan segera.

Katanya, masyarakat Islam di negara ini tidak pernah menghalang penganut agama lain beribadat dan mengamalkan ajaran agama masing-masing.

## **Peranan media**

Beliau berkata, jika masyarakat Islam sanggup berkompromi membenarkan pembinaan patung gergasi untuk upacara keagamaan seperti di Batu Caves dan Bachok, penganut agama lain perlu mem-

balas jasa berkenaan dengan kebaikan, bukan penghinaan.

"Umat Islam di negara ini sangat baik dan bertolak ansur terhadap penganut agama lain, malah mereka tidak mengganggu dan menghalang penganut Kristian, Hindu serta Buddha beribadat.

"Ada penganut agama terbabit menghina Islam kononnya menzalimi penganut agama lain, sedangkan tidak pernah pula berlaku umat Islam menyerang mereka ketika sedang beribadat seperti berlaku di New Zealand, baru-baru ini," katanya.

Sementara itu, Yazid yang juga bekas Presiden Konfederasi Wartawan ASEAN (CAJ) berkata, media memainkan peranan penting mendidik masyarakat supaya saling hormat-menghormati dan tidak perlu gentar mendedahkan penghinaan terhadap agama Islam.

## **Media sosial burukkan situasi**

Katanya, sebagai pengamal media, beliau melihat kewujudan media sosial memudahkan masyarakat bukan Islam menghina Islam tanpa sekatan dan tapisan.

"Peranan media cetak perlu me-

mainkan peranan dengan mendedahkan penghinaan itu, untuk membolehkan pihak berkuasa bertindak.

"Jangan takut bersuara dan mendedahkan perkara benar demi kebaikan. Kita tidak mahu negara ini runtuh kerana persengketaan dan penghinaan agama," katanya.

Justeru, semua pihak perlu menghentikan penghinaan terhadap Islam, kerana perbuatan berkenaan hanya menimbulkan keburukan dan tidak memberi sebarang kebaikan.